

HALAL LAGI BAIK PIAWAIAN ISLAM

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ ۸۸ ﴾ وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِءِ مُؤْمِنُونَ

(Surah Al-Maaidah, ayat: 88)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menjadi kewajiban bagi umat Islam meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ini adalah perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

﴿ ۵۲ ﴾ وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ

Yang bermaksud: “Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu – agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertakwalah kamu kepada-Ku.” (S. Al-Mukminun: 52).

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Doa merupakan saluran bagi seseorang hamba menyampaikan permohonan serta hajatnya kepada Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Maka, seorang Muslim sentiasa memohon dan meminta kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dan penuh pengharapan.

Ia berdasarkan kepada keyakinan bahawa Allah SWT akan memperkenankan setiap doa hambanya sebagaimana firman-Nya di dalam al-Quran:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ

دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.” (S. Al-Mukmin: 60).

Sungguhpun demikian, ada yang bukan sahaja tidak dimakbulkan akan doanya, malahan langsung tidak dipedulikan oleh Allah SWT. Mereka itu ialah yang tidak mahu bertaubat daripada mengambil, memakan, meminum atau menggunakan harta yang haram. Ini berdasarkan sebuah hadis Nabi SAW yang bermaksud: “...Seorang pemuda yang bermusafir dalam perjalanan yang jauh, hal rambutnya kusut masai, mukanya berdebu di mana dia mengangkat tangan ke langit : Wahai Tuhanku...wahai Tuhanku... sedangkan makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram..Dan dia dibesarkan dengan memakan makanan haram maka bagaimana Kami mahu mengabulkan doanya.” (HR Muslim).

Melalui Hadith ini, Nabi SAW menerangkan perihal seorang pemuda yang sentiasa berdoa kepada Allah dengan tawaduk dan bersungguh-sungguh. Bagaimanapun, doanya tidak dimakbulkan oleh Allah SWT meskipun dia berada dalam keadaan musafir. Ia kerana pemuda itu tidak mempedulikan persoalan harta yang digunakannya , sama ada daripada sumber yang halal atau yang haram.

HADIRIN MUSLIMIN YANG MULIA,

Hakikatnya, setiap Muslim perlu pastikan agar doa yang dipanjatkan ke hadrat Allah SWT tidak terhibat atau terhalang daripada dimakbulkan. Pada masa sama, umat Islam perlu prihatin dan tidak mengamalkan sikap ambil mudah terhadap kehalalan serta kesucian apa jua yang dimakan, diminum dan digunakan. Ia penting kerana kehalalan makanan mengikut syariat agama mempunyai pengaruh besar kepada pembentukan serta perkembangan peribadi seseorang Muslim.

Caranya sudah tentulah dengan memastikan apa jua yang dimakan, diminum atau digunakan adalah halal lagi baik. Piawaian ini ditetapkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ

مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (S. Al-Baqarah: 168).

Jelas di sini, piawaian pemakanan yang seharusnya diambil kira oleh setiap manusia sama ada orang Islam mahupun bukan Islam adalah “Halalan Thoyiban” yang membawa maksud halal lagi baik. “Halal” membawa makna “dibenarkan” atau “dibolehkan” oleh hukum Syarak. Manakala perkataan “Thoyiba” pula merujuk kepada aspek positif seperti berzat, bersih, berkualiti, selamat dan tidak membawa kemudaratan kepada manusia.

Jadi, piawaian “Halalan Thoyiban” bukan hanya terbatas kepada bersih dan suci daripada babi atau najis tetapi juga mengambil kira aspek yang lebih meluas untuk apa sahaja yang hendak dimakan, diminum atau digunakan. Ia termasuk halal dalam cara memperolehnya yang tidak melalui cara haram seperti mencuri, merompak, rasuah dan sebagainya.

Piawai ketat Islam ini juga mencakupi cara pemprosesan serta penyimpanan bermula dari ladang sampai ke meja. Ia membabitkan penyediaan pemprosesan serta penyimpanan yang tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi apa-apa benda yang dihukum najis mengikut hukum Syarak.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Tegasnya, dalam pemilihan makanan atau minuman, umat Islam hendaklah mengutamakan aspek kehalalan, kebersihan, kesucian dan keselamatan di samping khasiat dan zat yang terkandung di dalamnya. Ini kerana makanan berkait rapat dengan faktor yang menentukan tahap kesihatan dan kesejahteraan minda serta tubuh badan seseorang individu. Maka, umat Islam sangat dituntut mengambil berat tentang halal dan haram makanan yang akan menjadi darah daging masing-masing.

Rasulullah SAW memberi amaran bahawa Daging yang tumbuh daripada hasil yang haram maka nerakalah yang layak baginya. Justeru, Baginda SAW menganjurkan kita supaya memilih makanan dan minuman yang baik-baik sahaja sebagaimana sabdanya yang bermaksud: *"Baguskanlah pemakanan kamu nescaya Allah akan perkenan permintaan kamu."* (HR At-Tabrani)."

Sehubungan itu, Islam menganjurkan supaya mengambil kira beberapa perkara sebelum memilih sesuatu untuk dimakan, diminum atau digunakan. Antaranya ialah:

- Memastikan bahan itu benar-benar halal dan bersih;
- Memastikan sumbernya diperoleh dengan cara yang betul dan halal;
- Memastikan bahan itu tidak memudaratkan kesihatan;
- Memastikan ia tidak mengandungi bahan atau unsur-unsur yang meragukan.

Langkah ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Perkara halal itu jelas dan perkara haram itu jelas, tetapi di antara dua perkara ini ialah perkara-perkara yang syubhat (ragu-ragu). Oleh sebab itu, sesiapa yang meninggalkan perkara-perkara syubhat, telah membersihkan dirinya pada agama dan kemuliaannya."* (HR Al-Bukhari).

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Isu *"Halalan Thoyiban"* atau halal lagi baik ini kita utarakan pada mimbar Jumaat minggu ini kerana masih terdapat di kalangan umat Islam yang tidak memberatkan soal halal haram dengan makan apa sahaja yang sedap pada tekak meskipun di premis yang tidak memaparkan logo atau sijil halal. Lihat saja ada perkataan halal atau juruwang atau pelayan bertudung, maka ramailah yang masuk makan meskipun premis makanan bukan Islam. Demikian juga sesetengah pengguna Islam juga berkunjung ke sesebuah premis makanan bukan Islam hanya kerana ia mempamerkan perkataan *"serve no pork atau bebas babi"* dan *"alcohol free atau bebas alkohol"*.

Ingatlah! Tak ada babi atau tak ada alkohol bukan bermakna halal. Begitulah juga pelayan bertudung dan ayat al-Quran bergantung di dinding bukan bererti halal. Ia Cuma suatu taktik mengelirukan bagi menggamit kehadiran pelanggan beragama Islam.

Sebab itu, betapa perlunya umat Islam memahami konsep *"Halalan Thoyiban"* sebagaimana disyariatkan oleh Islam. Ini kerana, halal atau haram makanan yang masuk ke dalam perut mempunyai pengaruh terhadap kehidupan seseorang Muslim. Makanan halal, baik, suci dan bersih akan meningkatkan ketakwaan dan nilai ibadat seseorang.

Sebaliknya, setiap makanan yang tidak halal yang dimakan oleh seseorang Muslim akan menjadi darah daging dan akan memberi kesan kepada pembentukan serta perkembangan peribadinya. Benda haram yang dimakan, diminum atau digunakan itu juga akan menjejaskan ketakwaan dan nilai ibadat seseorang individu Muslim yang memungkinkannya dicampak ke dalam api neraka.

SAUDARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Sesungguhnya larangan memakan makanan haram adalah satu cara Islam mengajar umatnya mengamalkan kebersihan dan penyucian fizikal serta rohani. Matlamatnya adalah untuk membolehkan umat Islam menghasilkan ibadat yang baik dan bernilai takwa sehingga diterima Allah SWT.

Justeru, jangan sekali-kali meremehkan isu halal. Piawaian atau standard yang telah digariskan oleh al-Quran iaitu “*halalan thayiban*” (halal, baik dan selamat) dalam soal makanan dan pemakanan wajib dipatuhi. Maka, berwaspadalah dalam soal pemilihan sesuatu produk gunaan dan perkhidmatan di samping sentiasa berhati-hati dalam soal pemilihan premis untuk menjamu selera atau makan minum. Ini perlu kerana halal bukan sekadar pada logo atau bebas daripada daging babi tetapi meliputi pelbagai aspek termasuk kebersihan dan pematuhan terhadap amalan prosedur pemprosesan dan pengeluaran menurut hukum syarak.

Sesungguhnya, memakan benda yang halal lagi baik bukan sahaja mentaati perintah Allah SWT, tetapi ia juga merupakan satu bentuk penzahiran rasa syukur dan pengabdian diri kepada-Nya Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُلُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا رَزَقْنٰكُمْ وَاَشْكُرُوْا لِلّٰهِ اِنْ كُنْتُمْ اِيَّاهُ تَعْبُدُوْنَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya.” (S. Al-Baqarah: 172).

بَارِكْ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيٰتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَاسْتَغْفِرُ اللّٰهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجٰةَ التَّائِبِيْنَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah